

# PENGALAMAN PERUBAHAN KELUARGA DAN TINGKAT FERTILITI DI SABAH, SARAWAK DAN SEMENANJUNG MALAYSIA: SATU ANALISIS DARI ASPEK DEMOGRAFI

*Syed Abdul Razak Syed Mahadi & Mustafa Omar*

## **Abstract**

Population is an integral factor in nation building and development. The recent socio-economic development in Malaysia left an impact over its national population's demographic profile, particularly in the aspects of fertility, mortality, and migration. The changing demographic profile is expected to continue until Malaysia reaches its status as a developed nation in 2020. Using data from the Malaysian Population and Housing Census (1970-2000) and Malaysia's Population and Family Studies from 1984-2004, this paper attempts to compare the changes on the family demographic profiles of Peninsula Malaysia, Sabah and Sarawak. Hence, the comparison between the three provinces will give a picture regarding the effect of development according to various population trends. Moreover, this paper analyses social, economic, and cultural determining factors that influence the change in the family demographic profile and population fertility rate. It also analyses issues and challenges from the changes in the family demographic profile and population fertility rate, as well as the implications of these changes to the national development planning in the future.

## **Pengenalan**

Sewaktu Malaysia terbentuk pada tahun 1963 dengan kemasukan Sabah dan Sarawak, penduduk negara ini hanya berjumlah sekitar 9 juta orang. Selepas pembentukan Malaysia, profil penduduknya telah berubah, bukan hanya dari segi komposisi etnik tetapi juga daripada segi pertumbuhannya. Misalnya, pada tahun 1980, jumlah penduduk Malaysia telah bertambah hampir 50 peratus selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963 kepada 13.7 juta orang. Dalam banci tahun 2000, penduduk Malaysia terus meningkat lagi kepada 23.3 juta orang, dan dianggarkan pada tahun 2007 ini jumlah penduduk Malaysia adalah di sekitar 27 juta orang.


Peningkatan jumlah penduduk Malaysia ini adalah dipengaruhi melalui dua proses utama iaitu proses pertambahan semulajadi dan imigrasi antarabangsa. Peningkatan penduduk melalui proses pertambahan semulajadi ini adalah berkait rapat dengan peningkatan dalam kualiti kehidupan penduduk. Misalnya, ekoran

dari pembangunan pesat ekonomi dan sosial negara telah memberi kesan ke atas kadar fertiliti dan mortaliti penduduk di negara ini. Sementara itu berdasarkan kajian Lim Chong Yah 1967, dalam sejarah pertumbuhan penduduk Semenanjung Malaysia, unsur fertiliti dan mortaliti memainkan peranan penting selepas perang dunia kedua. Kesan ini juga dirasai oleh negara jiran dengan meningkatnya kemasukan migran untuk mencari pekerjaan telah menyumbang kepada kadar pertumbuhan penduduk di negara ini. Menurut kajian (Jackson, 1961; Vlieland, 1932 dan Nathan, 1922) pertumbuhan penduduk Negara sebelum ini lebih banyak dipengaruhi oleh faktor migrasi (Hairi Abdullah, 1989).

Pembangunan yang berlaku di Semenanjung Malaysia turut sama berlaku di Sabah dan Sarawak. Bahkan banyak kawasan di Sabah dan Sarawak mula mengalami proses urbanisasi yang pesat sejak dua dekad yang lalu. Masyarakat mula mengalami perubahan bukan semata-mata dari aspek ekonomi tetapi juga gaya hidup dan pemikiran individu. Perubahan-perubahan ini dilihat turut mempengaruhi trend dan pola perlakuan demografi pasangan dalam keluarga. Tren ini dapat dilihat dengan lebih jelas sekiranya kita merujuk kepada data Banci Penduduk dan Kajian Penduduk dan Keluarga Negara anjuran LPPKN. Analisis ke atas data ini boleh membantu memberi suatu gambaran berkaitan impak pembangunan yang berlaku di Malaysia ke atas profil demografi penduduk dan cabaran yang wujud daripada perubahan tersebut kepada negara di masa depan.

Peta 1 di bawah ini menunjukkan kawasan kajian ini, iaitu Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Kesemua analisis yang dibuat dalam kajian ini menggambarkan perubahan keluarga dan tingkat fertiliti di seluruh kawasan ini dalam aspek demografi.

**Peta 1: Kawasan Kajian Semenanjung Malaysia dan Sabah Sarawak**




Sumber: [www.jupem.gov.my](http://www.jupem.gov.my)

## Trend Perubahan dan Pertumbuhan Penduduk Malaysia

Fenomena dan corak pertumbuhan semulajadi penduduk di Malaysia telah berubah disebabkan oleh migrasi di sekitar tahun 1911 dan 1931 kepada pertumbuhan semulajadi yang disebabkan oleh perbezaan diantara fertiliti dan mortaliti sekitar tahun 1931 hingga sekitar tahun 1989 (Hairi Abdullah, 1989).

Graf 1 menunjukkan tren perubahan dan pertumbuhan penduduk di Malaysia untuk tempoh 1980 hingga 2005. Secara keseluruhan, maklumat dari jadual ini jelas menunjukkan berlaku peningkatan daripada segi saiz penduduk di ketiga-tiga wilayah di Malaysia dalam tempoh berkenaan. Graf tersebut juga menunjukkan peningkatan jumlah penduduk tahunan yang jelas bagi ketiga-tiga kawasan tersebut. Misalnya, berlaku peningkatan penduduk sekitar sekali ganda di Semenanjung Malaysia dan Sarawak manakala di Sabah meningkatnya adalah lebih tiga kali ganda untuk tempoh 1980 hingga 2005.

**Graf 1: Jumlah Penduduk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, 1980 –2005**




**Bilangan Penduduk (ribu)**

Sumber: 1. Jabatan Perangkaan Malaysia; Laporan Banci Penduduk 1980,1991 Jilid 1.  
2. Jabatan Perangkaan Malaysia; Bank Data Negeri dan Daerah Malaysia 2005.

Bagaimanapun, merujuk kepada graf 2, kadar pertumbuhan purata tahunan penduduk untuk ketiga-tiga wilayah ini, jelas menunjukkan trend penurunan. Secara keseluruhan, penurunan kadar pertumbuhan tersebut agak perlahan bagi Semenanjung Malaysia dan Sarawak dengan mengambil masa selama 25 tahun untuk menurunkan kadar pertumbuhan purata tahunan. Bagi Sabah, penurunan dalam kadar pertumbuhannya hanya mula berlaku menjelang tahun 1990an dan hanya mula menunjukkan tren penurunan yang agak signifikan kepada 3.8 peratus pada tahun 1991-2000. Tren penurunan tersebut terus berlaku dengan menghampiri kadar pertumbuhan bagi Semenanjung Malaysia dan Sarawak pada awal abad ke-21 apabila Sabah mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan terendah.

**Graf 2: Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, 1980**



Ini dipengaruhi oleh faktor pertumbuhan semulajadi yang agak tinggi tetapi juga didorong oleh faktor migrasi masuk antarabangsa dari kalangan warga asing ke negeri tersebut. Bagaimanapun, menjelang tahun 1990-an berikutan usaha penguatkuasaan undang-undang imigresen yang ketat ke atas kemasukan imigran asing ke wilayah tersebut, disertai pelbagai usaha untuk membawa pembangunan sosial dan ekonomi yang sekaligus mewujudkan transformasi sosial dan budaya ke atas masyarakat setempat, maka kadar pertumbuhan penduduk Sabah telah berjaya diperlahankan sehingga mendekati angka nasional menjelang tahun 2005.

Selain merujuk kepada angka saiz penduduk dan kadar pertumbuhan penduduk, berikut dipaparkan trend penurunan fertiliti bagi ketiga-tiga wilayah berkenaan dan seterusnya faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan trend tersebut dibincangkan. Jadual 1 menunjukkan min anak dilahirkan secara konsisten telah menurun di Semenanjung Malaysia dan Sarawak sejak tahun 1980 hingga 2004. Sementara dalam kes di Sabah, perubahan dalam min anak dilahirkan masih tidak jelas. Malahan, min anak dilahirkan bagi penduduk Sabah diperhatikan lebih tinggi dengan tahap penurunan yang lebih perlahan berbanding tren yang berlaku di Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

Trend penurunan fertiliti dalam keluarga juga boleh diperhatikan daripada maklumat berkaitan dengan kadar kelahiran kasar yang berlaku di ketiga-tiga wilayah ini. Graf 3 menunjukkan bagi tempoh lebih tiga dekad lalu, trend penurunan dalam kadar kelahiran kasar di Semenanjung Malaysia dan Sarawak lebih konsisten berbanding di Sabah. Faktor-faktor populasi perlu diambil kira dalam perancangan pembangunan dalam mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Ini terkandung dalam perancangan jangka panjang yang terdapat dalam wawasan 2020. (Rohani Abdul Razak, 2006).


Merujuk kepada graf 3, Sabah mengalami penurunan dalam kadar kelahiran kasar diperhatikan lebih perlahan tetapi mulai mengalami penurunan lebih pantas menjelang tahun 2000. Secara keseluruhan, kadar kelahiran kasar di Sabah pada tahun 2004 adalah hampir satu pertiga daripada kadar kelahiran kasar Sabah pada tahun 1980. Ini membuktikan bahawa usaha-usaha pembangunan yang pesat

**Jadual 1. Min Bilangan Anak yang Pernah Dilahirkan Mengikut Kumpulan Umur, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, 1980-2004**

Umur	Semenanjung				Sabah			Sarawak		
	1980	1984	1994	2004	1980	1989*	2004	1980	1989*	2004
15-19	0.8	0.9	0.7	0.7	0.9	0.9	0.8	0.8	0.8	0.8
20-24	1.5	1.5	1.2	1.2	1.9	1.8	1.6	1.6	1.5	1.5
25-29	2.4	2.3	2.1	1.8	2.9	2.9	2.5	2.7	2.3	2.2
30-34	3.6	3.5	3.1	2.6	4.0	3.9	3.3	3.9	3.3	2.9
35-39	4.7	4.2	3.9	3.4	5.1	4.6	4.3	4.9	4.1	3.5
40-44	5.5	5.4	4.4	3.9	5.6	5.5	5.1	5.4	4.5	3.7
45-49	5.9	6.1	4.9	3.9	5.6	6.0	5.6	5.8	5.4	3.9
<b>Jumlah</b>	<b>3.6</b>	<b>3.6</b>	<b>3.4</b>	<b>3.1</b>	<b>3.7</b>	<b>3.6</b>	<b>3.8</b>	<b>3.6</b>	<b>3.2</b>	<b>3.1</b>

- Sumber: 1. Jabatan Perangkaan Malaysia; Laporan Banci Penduduk 1980.  
 2. LPPKN; Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1984, 1994, dan 2004  
 3. \* LPPKN Kajian Penduduk dan Keluarga, Sabah dan Sarawak 1989

**Graf 3: Kadar Kelahiran Kasar Bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, 1980-2004**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia-Buku Tahunan Perangkaan Malaysia: 1980, 1990 dan 2000.

berlaku di ketiga-tiga wilayah ini menjelang abad ke-21, disertai dengan kegigihan pihak berkuasa mengawal kemasukan lebih ramai pendatang asing ke wilayah di sebelah Malaysia Timur telah berjaya mengurangkan tingkat kelahiran ke tahap lebih rendah berbanding beberapa dekad sebelumnya.

## **Faktor-faktor Mempengaruhi Perubahan Keluarga dan Perlakuan Fertiliti Penduduk**

Dalam membicarakan tentang perubahan pada institusi keluarga dan perlakuan fertiliti penduduk boleh dibahagikan kepada dua kategori faktor – makro dan mikro. Ia bertujuan untuk melihat persoalan ini dengan lebih terperinci. Faktor makro menjurus kepada dasar dan polisi kerajaan berkaitan isu kependudukan. Sementara itu faktor mikro mengupas persoalan serta isu yang berkaitan dengan tiga perkara penting iaitu sosioekonomi, sosiodemografi dan sosiobudaya. Sepertimana menurut kajian (Davis –Blake 1957, Freedman 1962, dan Hawthorn 1972), kadar fertiliti yang berubah itu adalah sentiasa tertakluk kepada pemboleh ubah lain yang bersifat sosiopolitik, sosiobudaya, dan sosioekonomi negara. Dalam sosioekonomi ia mengupas isu pengaruh pendidikan formal dan penglibatan wanita dalam pekerjaan. Bagi sosiodemografi pula isu-isu seperti min umur perkahwinan, kadar mortaliti bayi dan amalan merancang keluarga dikupas dengan lebih mendalam. Faktor sosiobudaya pula akan memperincikan persoalan perubahan nilai terhadap anak, pengaruh urbanisme ke atas sikap terhadap saiz keluarga unggul dan perubahan sistem sokongan dalam keluarga.

### **(I) Pengaruh Faktor Makro**

Dasar dan polisi sesebuah negara banyak mempengaruhi serta memberi kesan ke atas penduduk. Di Malaysia, dasar dan polisi kependudukan negara telah melalui suatu rentetan evolusi yang bermula sejak Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970) melalui pelaksanaan satu program perancangan keluarga peringkat kebangsaan. Ini kemudian memberi laluan kepada penubuhan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara di bawah Akta Perancangan Keluarga Negara 1966 dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kesannya, kadar kelahiran di peringkat nasional mula mengalami penurunan (LPPKN 1999).

Kelembapan ekonomi global pada awal tahun 1980an dan kesan ke atas ekonomi negara telah mendorong pihak Kerajaan Malaysia untuk merancang semula dasar kependudukannya ke arah penduduk yang lebih besar. Ini membuktikan bahawa polisi kependudukan negara secara jangkamasa panjang telah menetapkan matlamat kualitatif dengan menekankan kepada perkembangan sumber manusia ini selaras dengan Wawasan 2020 (Rohani Abd Razak 2006).

Walau bagaimana pun, selepas laporan dari kajian “Strategic Plan for National Population Policy” dijalankan pada tahun 1992 oleh LPPKN, dasar ini mula dinilai semula. Pertumbuhan penduduk diunjur sehingga tahun 2100 melalui tiga senario iaitu varian tinggi, menengah dan rendah. Varian tinggi adalah laluan ataupun “pathway” kepada Dasar Kependudukan Negara; varian menengah mengikut kadar penurunan kadar kelahiran yang dialami masa kini; dan varian rendah pula mengandaikan penurunan kadar kelahiran pada kadar lebih cepat lagi. Ketiga-tiga varian ini hanya menggunakan faktor kesuburan dan kematian manakala faktor migrasi tidak diambil kira (LPPKN .ECOSOC 2007). Banci penduduk pada tahun 1991 dan laporan perangkaan penting bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dijadikan asas kepada pembentukan dasar-dasar yang berasarkan kepada aspek kependudukan ini.

## (II) Pengaruh Faktor Mikro

Faktor mikro di sini antara lain merujuk kepada aspek kedinamikan individu dan keluarga daripada segi status sosioekonomi, penyertaan wanita dalam bidang pendidikan dan pekerjaan, perubahan sosiobudaya dan gaya hidup yang akhirnya membawa kepada perubahan dalam aspek demografi lain. Antaranya perubahan ke atas usia perkahwinan dan amalan membujang, jangka hayat dan tingkat mortaliti bayi, sikap dan amalan terhadap merancang keluarga, nilai-nilai berkaitan dengan pemilikan anak, dan seumpama.

### Faktor Sosio-ekonomi

#### *Pengaruh Pendidikan Formal*

Pendidikan memainkan peranan penting ke atas kehidupan seseorang manusia. Selain menjadi salah satu saluran untuk mencapai mobiliti sosial secara menegak, pendidikan juga berperanan mengubah cara manusia berfikir dan menguruskan diri dan alam sekelilingnya, termasuk berkaitan hidup berkeluarga.

Dalam konteks ini, pendidikan dilihat berkaitan rapat dengan amalan melewati perkahwinan dan mengawal bilangan kelahiran. Tindakan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi menyebabkan ramai daripada kalangan wanita dan juga lelaki telah menangguhkan urusan perkahwinan atau mendirikan rumahtangga ke usia yang lebih lewat. Tindakan sedemikian telah menyebabkan baki usia reproduktif seseorang wanita telah berkurangan, lantaran membawa kepada pengurangan jumlah anak yang mampu dilahirkan wanita berkenaan apabila mendirikan rumah tangga kelak. Menurut Weeks, J R. (2002) berdasarkan data bancian dari sumber-sumber servei dan kesihatan di Amerika Syarikat pada tahun 1991 jelas menunjukkan bahawa semakin tinggi pendidikan seorang wanita itu maka semakin kurang bilangan anak yang dipunyainya.

Pengalaman di Malaysia menunjukkan terdapat seolah-olah wujud korelasi secara negatif antara pendidikan dengan kelahiran anak. Dengan merujuk kepada data kelahiran dalam Jadual 1 dan Graf 3 di atas secara serentak dengan data pada Jadual 2a di bawah, jelas terdapat suatu arah hubungan bersifat songsang antara peningkatan dalam tahap pendidikan formal penduduk lelaki dan wanita dengan penurunan dalam kadar fertiliti yang diukur berasaskan kadar kelahiran kasar dan min bilangan anak yang pernah dilahirkan di ketiga-tiga wilayah berkenaan. Saban

**Jadual 2a: Jumlah Penduduk Yang Mendapat Pendidikan Formal Bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, 1981-2005**

Wilayah	1981		1990		2000		2005	
	L	P	L	P	L	P	L	P
M'sia	1,618,400	1,520,699	1,798,390	1,749,757	2,480,611	2,441,866	2,697,925	2,657,234
S'jung	1,345,769	1,280,159	1,445,446	1,413,925	2,017,249	1,990,212	2,203,772	2,169,098
Sabah	112,132	97,485	176,619	165,887	236,465	229,553	243,983	240,942
S'wak	160,499	143,055	176,325	169,945	226,897	222,101	250,170	247,194

Sumber: (i) Buletin Perangkaan Sosial 1981-1990, Jabatan Perangkaan Malaysia  
 (ii) Ciri-Ciri Ekonomi Penduduk 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia  
 (iii) Buletin Perangkaan Sosial 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 2b: Peratus Perubahan Penduduk Yang Mendapat Pendidikan Formal Bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, 1981-2005**

Wilayah	1981-1990		1990-2000		2000-2005		1981-2005	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Malaysia	11.12	15.06	37.93	39.55	8.76	8.92	66.7	74.7
Semenanjung	7.40	10.44	39.55	40.82	9.24	8.99	63.8	69.4
Sabah	57.50	70.16	33.88	38.38	3.18	4.96	117.6	147.2
Sarawak	9.86	18.79	28.68	30.68	10.25	11.29	55.8	72.8

Sumber: (i) Buletin Perangkaan Sosial 1981&1990, Jabatan Perangkaan Malaysia  
 (ii) Ciri-Ciri Ekonomi Penduduk 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia  
 (iii) Buletin Perangkaan Sosial 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia

tahun kita perhatikan jumlah penduduk yang dikenalpasti mendapat berpendidikan formal di ketiga-tiga wilayah berkenaan telah meningkat. Peningkatan ini jelas agak seimbang antara penduduk lelaki dan wanita baik di Semenanjung Malaysia, mahupun Sabah dan Sarawak.

Bagi Malaysia secara keseluruhan (lihat Jadual 2b), peningkatan daripada segi peratus penduduk lelaki berpendidikan formal adalah sebanyak 66.7 peratus dan bagi penduduk wanita pula adalah sebanyak 74.7 peratus untuk tempoh 1981 hingga 2005. Muncung yang semakin tirus dalam graf 4 ini juga menunjukkan tren peningkatan di seluruh Malaysia yang merangkumi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di mana kadar peningkatannya rata-rata jauh lebih tinggi untuk wanita berbanding lelaki untuk tempoh 24 tahun tersebut.

Di Semenanjung Malaysia, peratus peningkatan wanita dalam pendidikan formal adalah sebanyak 69.4% berbanding penduduk lelaki yakni 63.8%. Di Sabah, peratus peningkatannya adalah lebih tinggi lagi dengan masing-masing lelaki dan wanita mencatatkan peningkatan sehingga 117.6 peratus dan 147.2 peratus dalam tempoh 24 tahun ini. Bagi Sarawak pula, trend peningkatan yang sama turut diperhatikan dengan peningkatan peratus penduduk lelaki berpendidikan formal adalah sebanyak 55.8 peratus, manakala wanita pula di sekitar 72.8 peratus.

Secara keseluruhan, trend peningkatan peratusan wanita dalam berpendidikan formal yang tinggi di ketiga-tiga wilayah tersebut telah memberi impak tertentu ke atas tingkat fertiliti di negara ini. Peningkatan peluang menimba pengetahuan dan kemahiran ke tahap lebih tinggi di kalangan wanita telah menyebabkan ramai berpeluang menceburi bidang-bidang pekerjaan yang lebih luas, lantas telah menangguhkan perkahwinan masing-masing ke usia lebih lewat. Menurut Swartz dalam Lamanna dan Riedmann (2005),

*"Simultaneously, expanded educational and career options for women and, consequently, their growing commitment to paid work have given women increased economic independence. One result is that more women are voluntarily choosing singlehood and like it"*

Tindakan sedemikian telah membawa kepada berkurangnya penduduk melahirkan anak pada usia lebih muda berbanding beberapa dekad sebelum ini. Hakikatnya, perubahan yang berlaku ke atas institusi keluarga ini juga telah membawa kepada perubahan dalam cara pasangan menguruskan perlakuan reproduktif mereka.



*Faktor penglibatan wanita dalam pekerjaan*

Selain perubahan dalam institusi keluarga dan perlakuan fertiliti penduduk yang dikaitkan dengan pengaruh faktor pendidikan, peningkatan penyertaan kaum wanita dalam pasaran pekerjaan juga turut berperanan memberi kesan ke atas institusi keluarga dan perlakuan fertiliti penduduk. Jadual 4 membuktikan untuk tempoh tiga dekad lalu, peratus penyertaan wanita dalam lapangan pekerjaan walaupun masih rendah berbanding lelaki tetapi telah memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara.

Jadual 4 juga menunjukkan secara keseluruhannya jumlah penduduk wanita yang terlibat dalam pekerjaan formal telah meningkat sejak beberapa dekad lalu di ketiga-tiga wilayah berkenaan yang merangkumi seluruh Malaysia. Begitu juga dari segi perkiraan peratusan telah berlaku peningkatan peratus penyertaan mereka dalam pasaran pekerjaan terutama di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Di Semenanjung Malaysia dan Sabah, peratus penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah meningkat. Sebaliknya, di Sarawak, peratus penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah menunjukkan arah penurunan. Penurunan ini bukanlah bererti dari segi jumlah sebenar wanita yang bekerja telah berkurangan. Sebaliknya, pengurangan ini adalah berkaitan rapat dengan semakin ramai wanita Sarawak kini telah berhijrah ke Semenanjung Malaysia untuk bekerja di sana.

Perubahan dalam kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan ini sekali lagi menunjukkan hubungan secara songsang dengan tren penurunan fertiliti penduduk di negara ini. Menurut Rosen dan Simmons dalam Abdul Hamid Arshat (1987) kejatuhan fertiliti di negara maju adalah dipengaruhi dengan kuatnya penyertaan wanita dalam tenaga kerja, tetapi kejatuhan fertiliti bagi negara sedang membangun lebih kuat dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti umur masa perkahwinan pertama, aras pendidikan dan mobiliti sosial dikalangan wanita. Menurut Bachu dalam Weeks, J R. (2002) berdasarkan data banci di Amerika Syarikat pada tahun 1995 menunjukkan kadar kelahiran menurun dengan peningkatan wanita dalam sektor pekerjaan iaitu wanita yang berumur 25 – 34 tahun yang berkerja mempunyai purata 1.1 orang anak berbanding dengan kumpulan wanita yang tidak bekerja mempunyai purata 1.9 orang anak. Dalam konteks ini, usaha negara membuka lebih banyak peluang pekerjaan yang memerlukan khidmat tenaga kerja wanita secara tidak langsung turut mempengaruhi tingkahlaku wanita tersebut dalam urusan membentuk keluarga dan mengawal perlakuan fertiliti masing-masing.

Malahan, peningkatan penyertaan wanita dalam sektor bukan pertanian juga sekaligus membataskan diri daripada persekitaran hidup yang tidak menggalakkan

**Jadual 3: Peratusan Penglibatan Dalam Tenaga Kerja Mengikut Jantina, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (1987 – 2004)**

Wilayah	1987		1990		1995		2000		2004	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
S' jung	84.4	45.9	84.4	46.8	83.1	44.2	81.7	46.7	79.9	47.2
Sabah	90.2	43.8	87.7	37.5	89.2	39.3	89.2	40.9	85.0	44.9
S' wak	92.5	63.9	90.6	64.1	89.4	54.7	87.9	55.3	84.6	51.5

- Sumber: 1. Jabatan Perangkaan Malaysia; Laporan Banci Penduduk 1980,1991 Jilid 1.  
 2. LPPKN; Handy Pop Malaysia, 2005.  
 3. Jabatan Perangkaan Malaysia; Bank Data Negeri dan Daerah Malaysia 2005.

mereka untuk berkeluarga dan memiliki saiz keluarga yang besar. Umum mengetahui bahawa terdapat hubungan positif antara fertiliti dengan sektor pertanian. Penyertaan penduduk dalam sektor pertanian tidak banyak menimbulkan konflik peranan antara tuntutan pekerjaan di sektor pertanian dengan kehidupan berkeluarga dan fungsi reproduktif dalam keluarga. Dalam sektor pertanian, perkahwinan dan kelahiran anak dilihat sama penting kerana ia membantu menyumbang sumber tenaga kerja yang penting dan murah bagi keluarga berkenaan untuk terus bergiat dalam pekerjaan pertanian tersebut. Anak yang dilahirkan dijangka akan dapat menyumbang tenaga kerja mereka apabila membesar nanti tanpa perlu dibayar atas sumbangan tenaga yang ditawarkan.

Keadaan sebaliknya berlaku apabila pasangan tersebut beralih kepada pekerjaan bukan pertanian dan berorientasi pengeluaran, perindustrian, perkhidmatan dan seumpama. Sektor-sektor ini kebanyakannya beroperasi atas tuntutan jadual kerja formal. Lantas, keperluan kepada tenaga buruh keluarga adalah rendah dan mungkin tidak diperlukan langsung. Menurut Ki-Soon EUN (2006) berdasarkan perubahan sektor pekerjaan era 60an dari pertanian kepada perindustrian yang dialami di Korea sehingga kini telah menjejaskan unjuran pertumbuhan penduduk dan ia telah turun kepada 1.08 pada tahun 2005. Selain itu, struktur pekerjaan formal ini rata-rata memerlukan pekerja memberi komitmen tinggi dari segi tenaga dan masa, lantas peruntukan masa untuk keperluan keluarga dan anak-anak kadang kala terpaksa dikorbankan. Ini mungkin disebabkan oleh perubahan strategi dalam perancangan pembangunan ekonomi iaitu daripada pertanian kepada perusahaan pembuatan.

Di Semenanjung Malaysia, lebih satu per empat daripada kalangan wanita yang berkahwin dan berumur 15-49 bekerja di sektor pembuatan; 19.9 peratus di sektor perdagangan, jual borong dan runcit, hotel dan restoran; 6.8 peratus di sektor hartanah, perniagaan dan kewangan. Sebaliknya peratusan mereka yang terlibat dalam sektor pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan didapati semakin mengecil yakni sekitar 5.8 peratus sahaja. Senario ini agak berbeza di Sabah dan Sarawak, namun maklumat siri masa mengenai penyertaan wanita dalam pekerjaan sektor pertanian kelihatan semakin berkurangan di kedua-dua wilayah tersebut. Di Sabah, penglibatan wanita dalam sektor perdagangan, jual borong dan runcit, hotel dan restoran telah meningkat kepada 21.3 peratus; diikuti sektor pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan. Keterlibatan mereka dalam sektor pembuatan walaupun sekitar 6.9 peratus sahaja dan 4.2 peratus dalam sektor hartanah, perniagaan dan kewangan tetapi tren penyertaan wanita dalam pekerjaan bukan pertanian ini telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Namun apapun polanya, penglibatan wanita Sabah dalam pekerjaan bukan pertanian yang semakin meningkat sejak sedekad lalu turut memberi kesan kepada perlakuan mereka berhubungan dengan pembentukan keluarga dan perlakuan fertiliti. Di Sarawak pula, hanya 32.5 peratus daripada tenaga kerja wanita masih terlibat dalam sektor pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan. Selebihnya kini telah menceburi sektor bukan tradisional seperti sektor perdagangan jual borong dan runcit, hotel dan restoran (18.4%), sektor pembuatan (7.4%) dan sektor hartanah, perniagaan dan kewangan (5.4%) (LPPKN, 2005). Perubahan penyertaan wanita daripada sektor pertanian kepada sektor bukan pertanian ini sekali lagi membuktikan bagaimana perubahan dalam pekerjaan di kalangan wanita telah memberi kesan ke atas tingkahlaku mereka berkaitan hidup berkeluarga dan

merancang saiz keluarga masing-masing. Menurut penemuan Fawcett (1974) mendapati pertambahan bilangan anak yang dimiliki oleh wanita yang terlibat dalam sektor informal terutamanya golongan tani lebih disebabkan oleh faktor psikologi dan sosial daripada faktor ekonomi. Kebanyakan responden menyatakan anak tidak membebankan mereka (Mueller, 1976).

## Faktor Sosio-Demografi

Selain faktor pendidikan dan penyertaan wanita dalam pekerjaan, perubahan keluarga dan perlakuan fertiliti penduduk juga turut dibayangi oleh perubahan-perubahan dalam aspek sosio-demografi penduduk itu sendiri. Ini termasuklah perubahan yang boleh dikaitkan dengan min umur berkahwin, bertambahnya komposisi penduduk kekal membujur, peningkatan jangka hayat penduduk dan berkurangnya risiko kematian bayi, dan sikap keterbukaan penduduk terhadap amalan merancang keluarga.

### *Min umur perkahwinan*

Min umur perkahwinan pertama merupakan salah satu varibel demografi terpenting dan mempunyai hubungan rapat dengan tingkat fertiliti dalam keluarga. Di Malaysia hampir keseluruhan kelahiran yang berlaku adalah melalui perkahwinan. Justeru, umur pada perkahwinan pertama adalah penting kerana ia merupakan usia permulaan seseorang wanita itu terdedah kepada risiko kehamilan dan melahirkan anak. Menurut Abdul Hamid Arshat (1985) juga dalam kajiannya beranggapan bahawa perkahwinan pertama adalah penentu penting kepada tempoh seseorang wanita itu terdedah kepada kemungkinan untuk hamil dan seterusnya memberi kesan ke atas tingkat fertiliti.

Di Malaysia terdapat perubahan dalam tren perkahwinan mengikut umur bagi tempoh beberapa dekad yang lalu. Pembangunan sosioekonomi terutama dalam bidang pendidikan telah menyebabkan ramai di kalangan penduduk negara ini telah menangguhkan perkahwinan pada usia yang lebih lewat. Menurut Cho dan Ratherford (1973), perubahan struktur perkahwinan mempunyai pertalian rapat dengan proses pembangunan dan pemodenan yang membawa kepada meningkatnya bilangan perempuan yang melambatkan perkahwinan kerana mahu meneruskan pelajaran (Hairi Abdullah, 1989).

Jadual 4 menunjukkan tren peningkatan usia berkahwin yang agak merata di kalangan penduduk lelaki dan wanita di ketiga-tiga wilayah kajian. Di

**Jadual 4: Min Umur Perkahwinan Pertama antara Jantina bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak (1991-2004)**

Wilayah	1991		2000		2004	
	lelaki	wanita	lelaki	wanita	Lelaki	wanita
Semenanjung	27.8	24.8	28.6	25.1	28.9	25.3
Sabah	26.6	22.4	27.3	23.5	27.4	23.8
Sarawak	26.5	23.1	27.7	23.8	27.9	23.8

Sumber: 1. Jabatan Perangkaan Malaysia-Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1991 dan 2000.  
2. LPPKN – Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia ke 4, 2004.

Semenanjung Malaysia, min umur perkahwinan pertama tertinggi bagi lelaki adalah di antara 27 dan 28 tahun sementara, min umur perkahwinan pertama bagi wanita pula di antara 24 dan 25 tahun. Tren yang sama turut diperhatikan untuk lelaki dan wanita di Sabah dan Sarawak. Di Sabah, usia berkahwin pertama lelaki di antara 26 dan 27 tahun dan bagi wanitanya pula, usia di antara 22 dan 23 tahun. Pengalaman peningkatan umur perkahwinan juga berlaku di Sarawak dengan umur perkahwinan pertama bagi lelaki dan semasa berumur 23 tahun.

Perubahan dalam usia berkahwin bagi penduduk lelaki dan wanita di ketiga-tiga wilayah kajian ini sekali lagi membuktikan wujudnya hubungan songsang antara usia perkahwinan pertama dengan tingkahlaku berkeluarga dan fertiliti penduduk. Peningkatan dalam usia berkahwin terutama di kalangan wanita menyebabkan baki tempoh reproduktif mereka kian berkurangan, lantas kemungkinan mereka ini untuk memiliki anak yang ramai selepas berumah tangga adalah rendah.

Selain berlakunya peningkatan dalam usia berkahwin, penurunan fertiliti di negara ini juga berkait rapat dengan peningkatan komposisi penduduk kekal membujur di negara ini sejak beberapa dekad lalu. Jadual 5 menunjukkan peratus penduduk Malaysia kekal membujur meningkat pada kesemua peringkat usia dewasa. Malah, peratus penduduk kekal bujang didapati agak tinggi terutama di kalangan penduduk berusia di bawah 20-24 tahun. Hanya selepas mencapai usia 25 tahun ke atas, semakin ramai mulai menamatkan zaman membujur mereka dengan berkahwin.

Lamanna, M dan Riedmann, A (2006) merumuskan bahawa kesan daripada peningkatan peluang melanjutkan pendidikan dan keterlibatan wanita dalam pasaran pekerjaan menyebabkan ramai telah menangguhkan perkahwinan ke usia lebih lewat dengan tempoh membujur telah dipanjangkan. Secara keseluruhan, peratus mereka kekal membujur di ketiga-tiga wilayah telah mencapai hampir

**Jadual 5: Peratus Penduduk Belum Pernah Berkahwin, Semenanjung, Sabah, dan Sarawak, 1991 dan 2000**

Umur	Sem. M'sia		Sabah		Sarawak	
	1991	2000	1991	2000	1991	2000
15-19	92.6	98.0	88.4	97.6	90.8	93.5
20-24	71.3	81.4	57.9	78.6	61.5	69.2
25-29	36.6	44.3	30.1	45.4	31.6	37.8
30-34	16.0	19.4	14.2	19.9	14.5	17.8
35-39	8.7	10.4	8.0	9.9	8.4	10.0
40-44	5.7	6.9	5.3	5.5	5.8	7.4
45-49	3.7	5.1	3.7	4.0	4.2	5.7
50-54	2.7	3.9	2.9	2.8	3.6	4.7
55-59	2.2	3.1	2.4	2.2	3.3	3.5
60-64	1.8	2.2	2.4	2.1	2.8	3.1
65+	1.5	1.8	2.4	2.6	1.8	2.4
Jumlah	33.2	35.8	34.2	39.7	32.4	32.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Banci, 1991 dan 2000.

sepertiga daripada keseluruhan penduduk negara ini. Peningkatan dalam peratus membujang ini telah menyebabkan kadar fertiliti dalam negara telah merosot ke tahap lebih rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya.


#### Kadar mortaliti bayi

Usaha pihak pemerintah meningkatkan taraf hidup dan kualiti kesihatan penduduk dengan membina lebih banyak infrastruktur kesihatan di bandar dan luar bandar, melatih lebih ramai tenaga pakar perubatan dan meluaskan kesempaian rakyat kepada khidmat kesihatan turut memberi kesan kepada kualiti kesihatan rakyat. Satu petunjuk penting kepada peningkatan kualiti kesihatan rakyat ialah menurunnya risiko kematian bayi dalam negara. Ini diasaskan kepada satu pandangan umum di kalangan ahli demografi bahawa apabila risiko kematian daripada sesuatu kelahiran berkurangan, maka keputusan bagi sesuatu pasangan untuk melahirkan lebih ramai anak bagi menggantikan kematian yang bakal berlaku akan berkurangan.

Lantas, pada akhirnya membawa kepada penurunan fertiliti dalam masyarakat. Menurut Zelizer (1985), pembangunan dalam bidang perubatan juga memberi implikasi kepada penurunan dalam kadar kematian bayi dan serentak dengan itu semakin ramai pasangan mampu mencapai pariti bilangan anak yang diinginkan. Maka, akhirnya perkembangan sebegini telah membawa kepada berlakunya penurunan dalam tingkat fertiliti penduduk.

Graf 4 mempamerkan pengalaman mortaliti bayi di Malaysia untuk tempoh empat dekad lalu (1970-2000). Mortaliti bayi di Semenanjung Malaysia dilaporkan lebih awal mengalami penurunan berbanding di Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak mula mengalami penurunan tersebut menjelang tahun 1980an, atau sedekad lebih lewat daripada Semenanjung Malaysia.

**Graf 4: Kadar Mortaliti Bayi bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak, 1970-2000**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia-Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1970 - 2000.

Secara perbandingan, penurunan pesat dalam kadar mortaliti bayi ini kelihatan bergerak dalam hala yang selari dengan penurunan dalam kadar kelahiran dan min bilangan anak yang dilahirkan oleh pasangan di ketiga-tiga wilayah ini. Berkurangnya risiko kematian bayi menyebabkan pasangan tidak lagi perlu menambah kelahiran semata-mata bagi memastikan sejumlah anak yang dihasratkan akan dapat dipenuhi. Dalam konteks ini, penurunan dalam risiko kematian bayi kebelakangan ini telah menyebabkan pasangan mengambil keputusan untuk mengurangkan kelahiran dalam keluarga dan sekaligus menyumbang kepada penurunan kadar fertiliti di peringkat negara.

### *Amalan Merancang Keluarga*

Pengalaman penurunan fertiliti di Malaysia juga berkait rapat dengan sikap dan perlakuan penduduk berkaitan dengan amalan merancang keluarga. Berdasarkan kajian oleh LPPKN (2004), secara keseluruhannya peratusan wanita yang mengamalkan sebarang kaedah perancangan keluarga di negara ini agak tinggi, dan diperhatikan hampir sama di ketiga-tiga wilayah kajian yakni. Kajian juga mendapati wanita di Sarawak mencatatkan peratusan agak tinggi dalam mengamalkan perancangan keluarga mengikut kaedah moden seperti penggunaan pil dan tubaligasi. Dua kaedah ini turut popular di Sabah. Sementara, di Semenanjung Malaysia pula, penggunaan pil (26.9%), kondom (14.3%) dan tubaligasi (12.6%) merupakan tiga kaedah moden yang paling banyak digunakan. Bagi kaedah bukan moden, cara waktu selamat adalah popular di Semenanjung Malaysia (17.9%) berbanding di Sabah (14.5%) dan Sarawak (11.7%). Pengaruh pendedahan wanita kepada pendidikan dan penglibatan mereka dalam pekerjaan dikenalpasti telah meningkatkan lagi pendedahan mereka kepada program-program perancangan keluarga tersebut, dan sekaligus membantu ke arah penurunan fertiliti di peringkat unit isi rumah.

Sementara itu bagi mendapatkan kaedah perancangan keluarga, Klinik Perancang Keluarga Kebangsaan (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Persekutuan Persatuan-persatuan Perancangan Keluarga Malaysia & Kementerian Kesihatan Malaysia) menjadi sumber maklumat dan pembekal utama khususnya bekalan kontraseptif di Sabah (56.4%) dan Sarawak (51.7%). Di Semenanjung, sumber bekalan kontraseptif lebih banyak diperolehi dari klinik/hospital swasta (28.3%), klinik Perancang Keluarga Kebangsaan (23.4%) dan farmasi (16.6%). Keputusan kajian juga memperlihatkan bahawa seorang daripada setiap empat wanita berkahwin di Semenanjung Malaysia mempunyai *unmet need for contraception*. Memandangkan sebahagian pasangan menggunakan kaedah tradisional dan mempunyai kadar *unmet need* yang agak tinggi maka program penerangan dan pendidikan mengenai kesihatan reproduktif dan perancangan keluarga telah diperkasakan untuk membolehkan pasangan membuat keputusan dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mendapatkan saiz keluarga yang diingini. Hakikatnya, usaha sebegini didapati telah berjaya sedikit sebanyak mempengaruhi tren penurunan fertiliti di negara ini.

### **Faktor Sosio-Budaya**

Sekadar membincangkan mengenai pengaruh faktor sosiobudaya ke atas perubahan keluarga dan tren fertiliti di kalangan penduduk Malaysia, penumpuan diberikan

kepada aspek-aspek berikut: perubahan nilai terhadap anak, perubahan sikap terhadap saiz keluarga ideal (unggul), perubahan gaya hidup akibat urbanisasi, dan perubahan dalam sistem sokongan keluarga.

#### *Perubahan nilai terhadap anak*

Di dalam masyarakat tradisional, anak dilihat sebagai aset ekonomi bagi membantu keluarga dalam kegiatan pertanian dan kerja-kerja domestik. Anak juga dilihat sebagai sumber tenaga kerja keluarga yang murah dan jaminan hidup bagi ibubapa di hari tua. Bagaimanapun, apabila berlaku perubahan di dalam masyarakat terutama daripada segi ekonomi yang berasaskan pertanian kepada masyarakat berteraskan industri, perkhidmatan dan pembuatan, diikuti pula dengan kemajuan dalam bidang pendidikan, kesemua ini telah mengubah nilai dan fungsi anak sebagai aset ekonomi kepada liabiliti ekonomi. Ini seperti yang dirumuskan oleh oleh Groat "*Children are capable of bringing profound meaning and purpose into people's lives*" (Lamanna dan Riedmann, 2005). Dalam konteks ini, anak tidak lagi dilihat bakal membawa banyak faedah kepada sesebuah keluarga tersebut dan soal kuantiti anak tidak lagi diutamakan dalam kehidupan seharian pasangan terbabit. Sebaliknya, penekanan kepada aspek kualiti hidup dan kualiti anak yang banyak mempengaruhi gaya hidup banyak pasangan masa kini menyebabkan ramai mengambil keputusan untuk memiliki sejumlah anak yang diingini sahaja. Rata-rata jumlah anak yang diingini tersebut adalah kebanyakannya lebih rendah berbanding jumlah anak diingini oleh generasi sebelumnya yang bersifat tradisional.

#### *Pengaruh urbanisme ke atas sikap terhadap saiz keluarga unggul*

Perubahan masyarakat daripada ekonomi tradisional kepada ekonomi moden juga turut mengubah sikap dan penerimaan pasangan terhadap saiz keluarga yang unggul. Kajian-kajian terdahulu terutama yang melibatkan masyarakat luarbandar dan pendalaman mendapati secara umum sikap pasangan ketika itu terhadap saiz keluarga unggul adalah lebih besar bilangannya berbanding pasangan masa kini. Perubahan kepada corak dan gaya hidup di Malaysia sejak beberapa dekad lalu akibat pengaruh urbanisme menyebabkan lebih ramai pasangan cenderung untuk memiliki saiz keluarga unggul yang lebih kecil bilangan anaknya. Dalam konteks ini, perubahan sikap kepada saiz keluarga unggul yang lebih kecil ini telah memberi kesan langsung atau tidak langsung ke atas tingkat fertiliti pasangan berkenaan. Rata-rata, perubahan sikap sedemikian menyebabkan ramai pasangan telah mengambil keputusan untuk menurunkan fertiliti ke tahap lebih rendah berbanding keadaan sebelumnya.

#### *Perubahan sistem sokongan dalam keluarga*

Urbanisme bukan sahaja berjaya membawa perubahan dalam cara berfikir, ia juga turut mengubah sistem nilai dan sikap penduduk dalam menguruskan kehidupan ini. Peningkatan pendidikan dan peluang pekerjaan di kalangan penduduk di Malaysia untuk beberapa waktu kebelakangan ini, diikuti dengan semakin ramai penduduk mengemudi kehidupan harian berasaskan cara hidup moden/bandar, maka institusi keluarga luas yang suatu ketika mendominasi kehidupan berkeluarga kini semakin berkurangan. Sebaliknya, institusi keluarga asas yang

lebih kecil dan dianggotai pasangan suami isteri serta anak-anak mereka sahaja kelihatan semakin dominan.

Difahamkan institusi keluarga luas memainkan peranan besar bukan sahaja dalam menentukan keselamatan dan perjalanan hidup anggota sesebuah keluarga tetapi mereka juga bertanggungjawab memberi sokongan moral dan material untuk seisi keluarga baik dalam waktu senang mahupun ketika ditimpa kesusahan dan musibah. Malahan, dalam soal mengasuh anak, institusi keluarga luas ini berperanan membantu pasangan berkahwin menjaga anak-anak mereka sewaktu mereka keluar bekerja di luar rumah. Dalam konteks kehidupan sedemikian, kelahiran anak tambahan dalam keluarga luas sebegini bukanlah suatu masalah kepada pasangan berkenaan.

Bagaimanapun, perubahan masyarakat daripada kehidupan tradisional kepada kehidupan moden/bandar menyebabkan peranan institusi keluarga luas semakin berkurangan di negara ini. Sebaliknya, peranan ini telah diambil alih sepenuhnya melalui institusi keluarga asas. Dalam konteks ini, pemilikan anak yang ramai atau sebarang tambahan kelahiran anak dalam keluarga akan meningkatkan tekanan ke atas pasangan berkenaan terutama apabila kedua pasangan tersebut juga memiliki kerjaya bagi menampung keperluan hidup seharian. Disebabkan kehidupan berkeluarga masa kini ketiadaan sokongan daripada ahli keluarga lain seperti mana dalam keluarga luas, maka usaha untuk mengurangkan kelahiran merupakan pilihan terbaik bagi mengatasi masalah yang wujud dari pemilikan anak yang ramai. Dalam konteks ini, kekurangan sistem sokongan dalam keluarga telah menyebabkan ramai pasangan mengambil keputusan untuk menghadkan tingkat fertiliti dalam keluarga.

## **Isu dan Cabaran Perubahan Keluarga dan Tingkat Fertiliti**

Apakah isu dan cabaran yang mungkin timbul daripada perubahan keluarga dan tingkat fertiliti penduduk di negara ini untuk masa depan. Dalam bahagian ini, tumpuan adalah kepada aspek-aspek berikut: peningkatan komposisi penduduk berusia tua, pengurangan sumber tenaga manusia bagi menggantikan tenaga manusia yang semakin menua, meningkatnya bebanan jaminan sosial bagi memenuhi keperluan penduduk tua daripada pihak pemerintah, meningkatnya bebanan tanggungan golongan produktif ke atas golongan lewat usia, kemerosotan komposisi pengundi dalam jangkamasa panjang, isu melewatkan persaraan penjawat jawatan awam dan swasta, galakan kepada kemasukan buruh asing atau peningkatan penggunaan teknologi tinggi sebagai alternatif pengganti tenaga buruh.

### *Cabaran ke atas sistem sokongan sosial*

Perubahan keluarga daripada sistem keluarga luas kepada sistem keluarga asas sebenarnya boleh dirujuk kepada berlakunya kemerosotan dalam sistem sokongan sosial dalam keluarga. Anak-anak yang dahulu terjamin penjagaannya di atas rasa tanggung jawab bersama anggota keluarga luas kini semakin terbiar dan terdedah kepada pelbagai ancaman dan cabaran. Misalnya, gejala 'latchkey' dalam masyarakat Malaysia hari ini adalah dilihat sebagai hasil daripada keruntuhan sistem sokongan sosial dalam keluarga. Ini menyebabkan ibubapa hari ini terdedah



kepada kesalahan melanggar Akta Kanak-Kanak 2000 kerana membiarkan anak-anak bersendirinya menguruskan diri di rumah tatkala kedua ibubapa keluar bekerja.

#### *Cabaran ke atas peningkatan komposisi penduduk tua*


Penurunan tingkat fertiliti disertai dengan tingkat mortaliti yang rendah kebiasaannya akan membawa kepada peningkatan komposisi penduduk tua, dengan syarat migrasi antarabangsa adalah rendah atau stabil. Fertiliti yang rendah telah menyebabkan komposisi penduduk muda semakin berkurangan bagi menggantikan atau mengimbangi komposisi penduduk dewasa dan tua lain. Sementara mortaliti yang rendah pula membawa maksud jangka hayat penduduk akan terus meningkat, lantaran menyumbang kepada meningkatnya komposisi penduduk tua dalam negara pada masa depan.

Graf 5 berikut menunjukkan bahawa jangka hayat penduduk di Malaysia telah meningkat secara konsisten untuk tempoh empat dekad lalu. Perubahan dalam jangka hayat ini juga menyumbang kepada peningkatan komposisi penduduk tua dalam masyarakat. Graf 5 jelas menunjukkan jangka hayat wanita lebih tinggi berbanding dengan lelaki bagi 1970,1980,1991,2000 dan 2005, ini menunjukkan angka tersebut akan meningkat dengan konsisten pada tahun berikut.

Peningkatan komposisi penduduk tua semestinya menuntut kepada pihak pemerintah untuk menyediakan lebih banyak kemudahan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan warganya yang sudah tua. Ini termasuklah dari aspek kewangan dalam bentuk pencen, perkhidmatan dan kepakaran berkaitan dengan aspek kesihatan warga tua, keperluan perumahan dan sistem sokongan bagi menjamin kualiti hidup warga tua di negara ini tidak merosot.

Peningkatan komposisi penduduk warga tua juga membawa kepada berlakunya peralihan dalam ukuran nisbah tanggungan penduduk. Tatkala negara mengalami tingkat fertiliti yang tinggi di suatu ketika dahulu, bebanan tanggungan penduduk dalam usia produktif adalah lebih condong kepada menanggung sejumlah penduduk muda yang ramai berbanding penduduk tua. Bagaimanapun, peralihan dalam perlakuan fertiliti penduduk kepada tingkat fertiliti lebih rendah

**Graf 5: Jangka Hayat Ketika Lahir Penduduk Malaysia 1970-2005**



- Sumber: (i) Buletin Perangkaan Sosial 1981 & 1990, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
(ii) Ciri-Ciri Ekonomi Penduduk 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
(iii) Buletin Perangkaan Sosial 2005, Jabatan Perangkaan Malaysia.

di negara ini menyebabkan bebanan komposisi penduduk muda akan berkurangan. Sebaliknya, tekanan bebanan ini akan berpindah kepada penduduk tua dalam masyarakat. Dalam konteks jangka panjang, proses penuaan penduduk akan menyebabkan bebanan penduduk produktif daripada penduduk tua lama kelamaan akan terus meningkat. Bebanan ini sukar dikurangkan selagi komposisi penduduk muda yang bakal menggantikan kelompok produktif terus-terusan berkurangan dalam negara.

Sebagai alternatif bagi meringankan bebanan tersebut, pemerintah perlu mengambil langkah-langkah sesuai. Antaranya memperlambatkan proses penurunan fertiliti atau sekurang-kurangnya melewatkan lagi kejatuhannya dengan mengadakan pelbagai insentif dan galakan kepada penduduk untuk menjalankan fungsi reproduktif mereka dengan lebih berkesan. Dengan menggalakkan migrasi asing bagi meningkatkan keupayaan penduduk dalam kelompok tenaga kerja produktif bagi menampung keperluan penduduknya yang kurang produktif akibat proses penuaan ini juga boleh dilakukan.

Alternatif lain termasuklah meningkatkan penggunaan teknologi tinggi dalam sistem pengeluaran negara sebagai pengganti kepada kemasukan sumber tenaga asing. Langkah ini bukan sahaja dapat memacu ekonomi negara ke tahap lebih baik tetapi juga menghalang aliran keluar wang ke luar negara. Langkah lain untuk dipertimbangkan ialah dengan meningkatkan usia persaraan penjawat jawatan awam dan swasta yang masih mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan. Dalam konteks ini, tempoh pergantungan mereka kepada dana awam dapat dikurangkan kerana tenaga kerja mereka masih dapat dimanfaatkan bagi kemajuan ekonomi negara. Usaha meningkatkan usia persaraan ini juga dapat mengelakkan ketergantungan negara secara keterlaluan kepada sumber tenaga asing.

#### *Cabaran kepada kedudukan politik pemerintah*

Kekuatan politik negara juga bergantung kepada jumlah pengundinya. Perubahan dalam komposisi penduduk muda dalam masyarakat berikutan berkurangnya fertiliti boleh menyebabkan sokongan golongan muda kepada kepimpinan semasa berkurangan. Selain itu, kewujudan golongan pelapis kepada pentadbiran negara juga boleh tergugat sekiranya senario seumpama ini terus berpanjangan untuk suatu jangka masa yang panjang.

Kekurangan golongan muda dalam politik tanah air juga boleh mengugat kecergasan politik tanah air kerana golongan muda ini lebih aktif dan agresif dalam memperjuangkan kedaulatan negara daripada sebarang pencerobohan luar. Tanpa sokongan golongan muda ini, kedudukan pemerintah tidak akan lama, malah sebaliknya mudah tergugat kepada anasir luar. Malahan, dalam usaha mengerakkan kekuatan kempen dalam pilihanraya juga, sokongan dan penyertaan golongan muda adalah kritikal dan penting.

Kewujudan golongan muda juga penting terutamanya untuk mengerakkan sesuatu perjuangan politik supaya relevan sepanjang masa. Dominasi golongan tua dalam politik yang rata-rata lebih bersikap konservatif dan sukar menerima perubahan boleh menyebabkan masa depan politik sesuatu gerakan politik tersebut mudah terkubur ditelan zaman. Lantas, kehadiran golongan muda dalam politik tanah air boleh membantu menjana hala tuju politik tanah air ke arah yang lebih dinamik dan mantap.

## **Implikasi Dasar Akibat Perubahan Keluarga dan Tingkat Fertiliti Penduduk**

Perubahan dalam institusi keluarga dan tingkat fertiliti yang berlaku di Malaysia telah memberi satu keperluan kepada pemerintah untuk merencana proses pembangunan yang mampu mengintegrasikan antara penduduk dengan perubahan semasa. Pelbagai dasar di rangka sebagai langkah awal menghadapi pola transisi penduduk Malaysia yang sedang berlaku. Pelaksanaan dasar dan polisi yang dilakukan kini mempamerkan pengalaman Malaysia dalam mengimbangi pertumbuhan penduduknya dengan proses pembangunan yang berlangsung. Antaranya:

1. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar pembangunan negara di Malaysia yang bermatlamat untuk menghapuskan kemiskinan dan mengurangkan ketidakadilan sosial antara kaum dari segi ekonomi (pendapatan, pekerjaan dan pemilikan asset) turut mempengaruhi institusi keluarga di Malaysia. Usaha mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor moden dan pengurangan kebergantungan masyarakat Malaysia dalam pekerjaan pertanian dilihat telah mampu membawa perubahan ke atas institusi keluarga dan tingkahlaku fertiliti penduduk.
2. Meluaskan peluang pendidikan di kalangan rakyat turut meninggalkan kesan ke atas pembentukan keluarga dan perlakuan fertiliti penduduk. Semakin meningkat tahap dan peluang pendidikan seseorang wanita, maka semakin berkurangan peluang mereka untuk mendirikan rumahtangga pada usia muda, lantas perkahwinan pada usia lewat menyebabkan tempoh reproduktif seseorang wanita lebih singkat. Fenomena ini membuktikan bahawa usaha-usaha kerajaan Malaysia mengalakkan dan meluaskan peluang pendidikan pada semua sektor masyarakat telah memberi tekanan untuk fertiliti terus menurun. Apatah lagi peningkatan pendidikan di kalangan anggota masyarakat juga dapat dikaitkan dengan meningkatkan pengetahuan mereka tentang kaedah merancang keluarga dan cara mereka merancang keluarga secara lebih efektif.
3. Pembangunan klinik-klinik kesihatan oleh pihak pemerintah sehingga mencakupi kawasan luar bandar dan bandar dan meningkatnya kesempaian rakyat secara meluas kepada khidmat merancang keluarga turut memberi kesan ke atas institusi keluarga dan peranan fertiliti mereka. Usaha negara mewujudkan lebih banyak kemudahan klinik kesihatan di bandar mahupun kawasan luar bandar dan secara efektif terbuka luas untuk semua akan menggalakkan penggunaannya secara meluas, lantaran memungkinkan usaha mengawal kehamilan yang tidak dikehendaki berjaya direalisasikan.
4. Selain dipengaruhi oleh pengetahuan lebih meluas penduduk tentang cara-cara mengawal kehamilan dan merancang keluarga secara efektif, perubahan institusi keluarga dan tingkah laku fertiliti penduduk Malaysia juga banyak bergantung kepada keberkesanan pihak pemerintah melalui program-program pendidikan dan komunikasinya untuk menyalurkan maklumat berkesan mengenai kebaikan dan faedah memiliki saiz keluarga kecil dan cara bagaimana ia boleh dicapai melalui metod penggunaan kontraseptif yang berkesan.

5. Penurunan fertiliti keluarga juga tidak dapat dipisahkan dengan kejayaan pihak pemerintah melalui program peningkatan kesihatan kepada masyarakat bagi menurunkan tingkat mortaliti bayi ke tahap terendah. Penurunan mortaliti bayi ini secara umum dilihat berkait rapat dengan kejayaan pihak pemerintah meningkatkan taraf hidup penduduk dan ini diperteguhkan lagi oleh penambahbaikan dalam perkhidmatan dan infrastruktur kesihatan yang disediakan pemerintah. Faktor risiko kematian anak (child survival) atau tindakan penggantian anak (child replacement) tidak lagi menjadi di antara pendorong utama pasangan ketika membuat keputusan sama ada untuk menambah kelahiran bagi mencapai jumlah anak yang dikehendaki (desired fertility). Selain itu, faktor penurunan risiko kematian bayi juga turut menyebabkan orientasi dan idea-idea yang menjurus kepada berkeluarga kecil dan merancang keluarga terus meningkat, di samping bersikap lebih terbuka untuk mengawal kelahiran masing-masing.

## Penutup

Di Malaysia, kebanyakan program dan projek pembangunan sosioekonomi yang dirancang dan berjaya dilaksanakan sehingga kini termasuk usaha mengstruktur semula masyarakat daripada segi agihan kekayaan dan peluang ekonomi serta memodenkan masyarakat telah membawa transformasi ke atas masyarakat tersebut. Transformasi yang berlaku telah dibuktikan dengan berubahnya tingkahlaku pasangan berkaitan pembentukan keluarga dan perlakuan fertiliti. Ini adalah kesan daripada pembangunan pendidikan, penyertaan awam dalam ekonomi moden dan penambahbaikan rakyat dari segi pendapatan. Dalam kata lain, asimilasi struktural yang berlaku hasil daripada pelaksanaan program pembangunan anjuran pemerintah selama ini telah memperhebatkan lagi proses memodenkan kebudayaan masyarakat. Ini memberi kesan ke atas tingkahlaku rakyat terutama berkaitan dengan usaha-usaha pembentukan keluarga dan mengawal fertiliti selaras dengan perancangan pembangunan negara.

Melihat kepada pengalaman Malaysia, maka dapat dipelajari bahawa perlunya strategi-strategi baru yang mengintegrasikan perancangan keluarga/pembangunan keluarga dengan program-program pembangunan lain agar hasil yang lebih efektif dapat dibangunkan di masa depan.

## Rujukan

- Arshat, Abdul Hamid & Masitah Mohd. Yatim. "Wanita Bekerja dan Pembangunan Keluarga." *Dewan Masyarakat*, (November 1987), 10-13.
- Davis, K, & Blake, J. "Social Structure and Fertility: An Analytic Framework." In *Economic Development And Cultural Change*, 4, No. 3. New York, (1956).
- Abdullah, Hairi. *Penduduk Semenanjung Malaysia: Struktur, Proses Dan Masalah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

Jabatan Perangkaan Malaysia. *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1970*. Kuala Lumpur, 1970.

\_\_\_\_\_. *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1980*. Kuala Lumpur, 1980.

\_\_\_\_\_. *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 1990*. Kuala Lumpur, 1990.

\_\_\_\_\_. *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2000*. Kuala Lumpur, 2000.

\_\_\_\_\_. *Buletin Perangkaan Sosial 1981 & 1990*. Kuala Lumpur, 1990.

\_\_\_\_\_. *Laporan Banci Penduduk 1980,1991 Jilid 1*. Kuala Lumpur, 1991.

\_\_\_\_\_. *Ciri-Ciri Ekonomi Penduduk Malaysia 2000*. Kuala Lumpur, 2000.

\_\_\_\_\_. *Bank Data Negeri dan Daerah Malaysia 2005*. Kuala Lumpur, 2005.

\_\_\_\_\_. *Buletin Perangkaan Sosial Malaysia 2005*. Kuala Lumpur, 2005.

EUN, Ki-Soon. "Recent Changes in Korea Families : Demographic, Social and Cultural Perspective." Family Scholars Colloquium, Kuala Lumpur. 7 – 8 Ogos 2006.

Lamanna, M & Riedmann, A. *Marriage and Families: Making Choices In A Diverse Society*. USA: Thomson Wadsworth, 2006.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. *Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia*, 1984. KL: 1984.

\_\_\_\_\_. *Kajian Penduduk dan Keluarga, Sabah dan Sarawak 1989*. Kuala Lumpur, 1989.

\_\_\_\_\_. *Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1994*. Kuala Lumpur, 1994.

\_\_\_\_\_. *Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 2004*. Kuala Lumpur, 2004.

\_\_\_\_\_. *Profil Penduduk Malaysia*. Kuala Lumpur, 1999.

\_\_\_\_\_. *Handy Pop Malaysia, 2005*. Kuala Lumpur, 2005.

\_\_\_\_\_. *Isu-isu Kependudukan Malaysia, 1998*. Kuala Lumpur, 1997.

\_\_\_\_\_. *The Changing Age Structures Of Populations And Their Implications For Development : The Case of Malaysia*. New York: ECOSOC, 2007.

Lamanna, Mary Ann, Agnes Redmann. *Marriages and Families*. United Kingdom: Thomson Wadsworth, 2006.

Mueller, E. "The Economic Value Of Children In Peasant Agriculture." Dlm. Ridker, R.G. (pnyt.). *Population and development: The search for selective interventions*, Baltimore & London: The John Hopkins University Press. 1976. hlm. 98-153.

Razak, Rohani Abd. "Fourth Malaysia Population And Family Survey (MPFS 4) At A Glance." Dlm National Population Conference. Kuala Lumpur: "Building The Next Generation" 2006.

Weeks, John R. *Population : An Introduction to Concepts and Issues*, Edisi ke 8. Belmont, CA: Wodssworth. 2002.

Zelizer, Viviana K. *Princing the Priceless Child : The Changing Social Value of Children*. New York, 1985.